



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

**STATUS WANG SUMBANGAN ORANG RAMAI UNTUK PEMBIAYAAN
PERUBATAN; ADAKAH TERMASUK HARTA PUSAKA SEKIRANYA PESAKIT
MENINGGAL DUNIA?**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meneliti persoalan mengenai "Status Wang Sumbangan Orang Ramai Untuk Pembiayaan Perubatan; Adakah Termasuk Harta Pusaka Sekiranya Pesakit Meninggal Dunia Sebelum Rawatan Dilaksanakan?". Oleh itu, Jawatankuasa berpandangan seperti berikut:

1. Sumbangan dalam bentuk تبرعات (kebajikan) membawa maksud: "usaha seorang mukallaf mengeluarkan harta atau manfaat kepada pihak/orang lain pada masa sekarang atau pada masa akan datang tanpa sebarang balasan, dengan niat melakukan kebajikan dan kemakrufan."
2. Hakikatnya, تبرع dengan harta atau manfaat ini amat dianjurkan oleh Syarak kerana dapat membina semangat saling bantu membantu dan memberi pertolongan antara satu sama lain dalam perkara kebajikan dan kebaikan sebagaimana firman Allah ﷻ:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى¹

Maksudnya: "Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan ketakwaan."

Menurut ayat di atas, Allah ﷻ memerintahkan umat Islam supaya saling memberi pertolongan dan bantuan dalam perkara kebajikan terutama

kepada mereka yang memerlukan dalam apa jua bentuk bantuan sama ada tenaga, buah fikiran, kewangan atau sebarang manfaat yang lain.

3. Merujuk persoalan mengenai sesebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) atau orang perseorangan telah mengumpul dana hasil daripada sumbangan orang ramai bagi tujuan pembiayaan perubatan seorang pesakit, tetapi sebelum rawatan dilaksanakan, pesakit tersebut meninggal dunia.
4. Terdapat dua isu dalam hal ini iaitu kedudukan status wang sumbangan orang ramai tersebut sekiranya;
 - i. telah dipindahkan ke dalam akaun pesakit/ahli keluarganya, atau
 - ii. masih dalam simpanan sesebuah organisasi atau orang perseorangan yang menguruskan pengumpulan dana berkenaan.
5. Merujuk pandangan Syeikh Zakaria al-Ansari η :

(وَلَوْ أَعْطَاهُ دَرَاهِمَ وَقَالَ اشْتَرِ لَكَ بِهَا (عِمَامَةً أَوْ أُدْخِلْ بِهَا الْحَمَّامَ) أَوْ نَحْوَ ذَلِكَ (تَعَيَّنَتْ) لِذَلِكَ مُرَاعَاةً لِعَرَضِ الدَّفَاعِ هَذَا

Maksudnya: *Sekiranya seseorang itu memberikan beberapa dirham kepadanya dan berkata: "Belilah buat diri kamu serban dengan wang ini atau bawalah serban ini ke dalam tempat mandi", atau (ucapan) seumpamanya, maka menjadi tuntutan kepadanya melakukan perkara tersebut bagi meraikan tujuan individu yang menyumbangkan (wang tersebut).²*

Beliau turut menjelaskan bahawa;

(إِنْ قَصَدَ سَتْرَ رَأْسِهِ بِالْعِمَامَةِ (وَتَنْظِيفَهُ) بِدُخُولِهِ الْحَمَّامَ لِمَا رَأَى بِهِ مِنْ كَشْفِ الرَّأْسِ وَشَعَثِ الْبَدَنِ وَوَسْخِهِ (وَالْإِلَّا) أَيَّ وَإِنْ لَمْ يَقْصِدْ ذَلِكَ بِأَنَّ قَالَهُ عَلَى سَبِيلِ التَّبَسُّطِ الْمُعْتَادِ (فَلَا) تَتَعَيَّنُ لِذَلِكَ بَلْ يَمْلِكُهَا أَوْ يَتَصَرَّفُ فِيهَا كَيْفَ شَاءَ.

Maksudnya: *Sekiranya seseorang (yang memberi wang) bertujuan untuk (orang yang diberikan wang tersebut) menutup kepalanya dengan serban dan membersihkannya, dengan cara membawanya masuk ke dalam bilik air, berdasarkan apa yang dia lihat daripada orang tersebut dari sudut kepala terdedah (tidak tertutup) dan juga kekusutan serta kotoran yang terdapat pada badan orang tersebut. Sekiranya tidak, iaitu jika dia tidak menyertakan tujuannya (niat sedekah umum), seperti dia menyebut (gunakanlah wang) dalam bentuk penuh keluasan yang mengikut adat kebiasaan,*

maka tidak ditentukan wang tersebut untuk digunakan kepada perkara (yang ditetapkan itu). Bahkan dia (yang menerima wang) memilikinya atau boleh dia menggunakan wang tersebut sebagaimana yang dia kehendaki.³

6. Berdasarkan hujah di atas, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bersetuju memutuskan bahawa;
- i. **Jika sumbangan atau infaq berbentuk umum (tidak bersifat spesifik kepada sesuatu keperluan/hajat), maka dana sumbangan tersebut boleh digunakan untuk apa-apa tujuan atau kepada mana-mana golongan yang memerlukan selagi mana memberi kepentingan (مصلحة) kepada kaum muslimin melalui pemberian tersebut.**

Pandangan ini selaras dengan kenyataan Syeikh Zakaria al-Ansari *ρ* iaitu:

وَإِنْ لَمْ يَقْصِدْ ذَلِكَ بَأَنْ قَالَهُ عَلَى سَبِيلِ التَّبَسُّطِ الْمُعْتَادِ (فَلَا) تَتَّعَيْنُ لِذَلِكَ بَلْ يَمْلِكُهَا أَوْ يَتَصَرَّفُ فِيهَا كَيْفَ شَاءَ.

Maksudnya: *Sekiranya tidak, iaitu jika dia (orang yang memberikan duit) tidak menyertakan tujuannya, seperti dia menyebut (gunakanlah wang) dalam bentuk penuh keluasan yang mengikut adat kebiasaan, maka tidak ditentukan wang tersebut untuk diguna pada perkara (yang ditetapkan itu). Bahkan dia (yang menerima wang) memilikinya atau dia boleh menggunakan wang tersebut sebagaimana yang dia kehendaki.*

- ii. Namun, sekiranya **sumbangan atau تبرعات (kebajikan) yang diberikan dikhususkan untuk sesuatu tujuan (تعيين) contohnya untuk pembiayaan rawatan seorang pesakit atau seumpamanya, maka;**
 - a. **Sumbangan itu hendaklah digunakan untuk tujuan yang dikhususkan sahaja dan tidak boleh digunakan untuk apa-apa tujuan lain yang tidak berkaitan dengan niat penyumbang (penderma).**
 - b. **Sekiranya pesakit meninggal dunia sebelum sempat menjalani rawatan sedangkan pesakit atau ahli keluarganya telah menerima wang sumbangan itu maka wang sumbangan orang ramai itu tidak termasuk dalam harta pusaka.**

³ اثني المطالب، زكريا الأنصاري (2/480)

c. Oleh itu, waris pesakit atau pihak yang menguruskan kutipan dana hendaklah menyerahkan kembali wang sumbangan kepada penyumbang/ penderma atau memohon keizinan daripada penyumbang untuk digunakan bagi kemaslahatan umat Islam yang lain.

d. Sebaliknya, jika penyumbang dana tidak dikenal pasti maka dana sumbangan berkenaan hendaklah diserahkan kepada pihak berkuasa agama yang berautoriti seperti institusi Baitulmal, Wakaf dan sebagainya supaya dapat dibelanjakan untuk kepentingan umat Islam.

iii. Pandangan ini juga selari dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Dar al-Ifta', Jordan iaitu:

فإن التبرعات التي تُجمع لغرض معين لا يجوز أن تُصرف في غير ذلك الغرض، فإذا تبرع متبرع لإنشاء بئر في المسجد جعل فيه، ولا يجوز صرفه في غيره، إلا بعد استئذانه، فإن تعذر الاستئذان، ولم يكن المسجد بحاجة إلى بئر فلا مانع من صرف المال في أمر مشابه له بإذن الجهة المسؤولة عن الوقف⁴؛ لقول الله تعالى: (فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ)⁵

Maksudnya: "Mana-mana sumbangan yang dikumpulkan untuk tujuan tertentu tidak harus dibelanjakan untuk tujuan selain daripada itu. Sekiranya tujuan tabarru' untuk pembangunan telaga (kolam atau kolah) masjid maka hendaklah menggunakan sumbangan untuk tujuan itu sahaja dan tidak harus dibelanjakan untuk tujuan yang lain kecuali dengan kebenaran penderma. Jika kesukaran untuk mendapatkan keizinan penderma dan masjid tidak memerlukan lagi bagi pembangunan telaga (kolam atau kolah) maka tiada tegahan untuk membelanjakan wang sumbangan tersebut untuk tujuan-tujuan yang seumpamanya dengan syarat mendapat keizinan daripada pihak berkuasa dalam institusi Wakaf. Sebagaimana firman Allah ﷻ yang bermaksud: "Maka bertakwalah kamu kepada Allah menurut kesanggupanmu".

⁴ للاطلاع على منهج الفتوى في دار الإفتاء <https://www.aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=2693#.YMGEFPkzbIV>

⁵ التغابن : 16.

7. Justeru, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah menasihatkan supaya semua pihak lebih berhati-hati dalam mengurus dana sumbangan orang ramai dengan memelihara tujuan (قصد) dan kepentingan dana tersebut diwujudkan.

TARIKH KEPUTUSAN : 10 JUN 2021